

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi sebut harga berikut:

Bil	Tajuk Sebut Harga	No. Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Tempat, Tarikh & Waktu Tawaran Ditutup
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA API BAGI TEMPOH LIMA (5) BULAN DI LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (LPSVN) CAWANGAN IPOH	LPSVN SH/12/2025	Berdaftar dengan (Kod Bidang Kementerian Kewangan Malaysia) 220801 (Perlu Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) 2A-Perkhidmatan Kawalan Keselamatan)	BANGUNAN PEJABAT POS LAMA JALAN DATO' SAGOR DEWAN BANDARAN IPOH BANDAR IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN 08 Julai 2025 (Selasa) Masa: 11.00 tengah hari	BANGUNAN PEJABAT POS LAMA JALAN DATO' SAGOR DEWAN BANDARAN IPOH BANDAR IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN 16 Julai 2025 (Rabu) Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari

* Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan tapak sila hubungi pegawai berikut: Encik Che Abd Aziz bin Che Hussin (03-40267104) / Encik Umar Adib bin Norazman- Unit Perolehan (03-40267010). **Kehadiran ke sesi lawatan tapak hanya dibenarkan untuk penama yang tercatat dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF) SAHAJA.**

Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada penama yang sah sahaja dan pihak syarikat adalah dikehendaki untuk membawa sijil **ASAL** dan **SATU (1) SALINAN** Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF), Sijil Taraf Bumiputera, Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) 2A-Perkhidmatan Kawalan Keselamatan. Pihak Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang terdapat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF). Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dikembalikan ke alamat berikut:

**BANGUNAN PEJABAT POS LAMA
JALAN DATO' SAGOR DEWAN BANDARAN IPOH
BANDAR IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**